

02/02/2001

Putrajaya pemangkin pembangunan lebih pesat

PUTRAJAYA, Khamis - Perisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan ketiga selepas Kuala Lumpur dan Labuan, membuktikan pandangan jauh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata pembangunan pusat pentadbiran kerajaan itu tidak boleh dianggap sebagai projek membazir.

"Putrajaya tidak boleh dianggap sebagai membazir kerana ia menjadi pemangkin pembangunan lebih pesat," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Perisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan di Dataran Perdana, di sini hari ini.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, pula berkata jika pembangunan seumpama itu dibuat sekarang, ia akan menelan belanja hampir RM40 bilion tetapi memandangkan ia dimulakan pada masa yang sesuai lebih lima tahun lalu, kosnya hanya sekitar RM10 bilion.

"Sesuatu perkara yang perlu dibuat, lebih baik dibuat cepat kerana pasaran harta, barangan, perkhidmatan dan kos buruh akan sentiasa bertambah," katanya.

Mengenai kritikan segelintir pihak kononnya pembangunan Putrajaya adalah membazir, Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya, berkata golongan itu tidak perlu dilayan.

"Jika seorang sakit perut, betul-betul sakit perut, kita boleh ubatlah tapi kalau dia sandiwara sebagai sakit, kita tak boleh bagi ubat," katanya.

Samy Vellu berkata Putrajaya adalah sesuatu yang diperlukan memandangkan penduduk Kuala Lumpur sudah bertambah berlipat ganda dengan kesesakan jalan raya dan sewa bangunan yang semakin meningkat.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Dr Mohamad Khir Toyo berkata kerajaan Persekutuan memberi jaminan akan mewujudkan pembangunan infrastruktur di sekitar Putrajaya yang akan memberi faedah besar kepada Selangor.

"Saya yakin dalam masa akan datang seluruh rakyat Selangor akan berterima kasih dan bersyukur sebagaimana yang berlaku ketika kita menyerahkan Kuala Lumpur kepada kerajaan Pusat," katanya.

Mohamad Khir berkata, berikutan pembangunan Putrajaya, banyak pelabur dalam dan luar negara menyatakan minat untuk melabur di situ dan di kawasan sekitarnya.

"Ini satu petanda baik bagi Selangor," katanya.

Presiden Parti Progresif Penduduk, Datuk M Kayveas berkata perisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan adalah satu titik bersejarah kepada rakyat dan satu pencapaian bermakna di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

Beliau berkata: "Daripada apa yang dapat disaksikan hari ini, saya berpendapat Malaysia berada di hadapan banyak negara maju kerana keseluruhan jentera pentadbiran kerajaan tertumpu di satu tempat yang menakjubkan ini.

"Ia adalah satu warisan untuk negara dan generasi akan datang."

Duta Croatia ke Malaysia Damir Perincic juga memuji pelaksanaan Putrajaya yang disifatkan satu projek menarik yang dijalankan dalam tempoh yang sukar.

Beliau menyifatkannya sebagai simbol kestabilan, kemakmuran dan pembangunan pesat di Malaysia.

"Ia begitu menarik, dan membuktikan bahawa Malaysia mempunyai potensi

amat besar," katanya.

(END)